

Headline	Jangan pasang bendera parti pada tiang elektrik		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	20 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	TEMPATAN	Page No	11
ArticleSize	164 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,610		



Jangan pasang bendera parti pada tiang elektrik

KOTA BHARU: Jentera parti politik yang bakal bertanding pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) diingatkan agar tidak memasang bendera di kabel ataupun konduktor yang berada di puncak tiang elektrik bagi mengelak kejadian tidak diingini daripada berlaku.

Pengurus Besar Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kelantan Datuk Yuslan Md Yusoff berkata ini kerana renjatan elektrik mungkin berlaku ketika pemasangan bendera dilakukan di tiang-tiang elektrik.

"TNB Kelantan turut melarang pemasangan bendera di kawasan larangan terutamanya di pencawang elektrik, sesalur atas voltan rendah dan voltan tinggi serta peti pembekal tenaga.

"Ini bagi mengelakkan berulangnya kejadian renjatan elektrik sehingga mengakibatkan kematian kepada dua orang lelaki ketika sedang menggantung bendera di Tanah Merah pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) yang

lalu," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, semalam.

Beliau berkata TNB Kelantan akan menghubungi wakil parti politik untuk memberi peringatan dan panduan kepada mereka bagi mengelak sebarang kemalangan akibat renjatan elektrik daripada berlaku.

"Kita akan minta kerjasama daripada parti politik untuk menurunkan bendera jika mereka menggantungnya di tempat yang tidak dibenarkan TNB.

"Selain itu, pihak kami akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan melakukan pemantauan dari semasa ke semasa berhubung perkara ini," katanya.

Tinjauan Bernama mendapati 'perang bendera' semakin sengit apabila hampir seluruh kawasan bandar ini sudah dipenuhi bendera parti yang bakal bertanding menjelang PRU14 yang berbaki kurang tiga minggu lagi. - Bernama